

## Siswa, pensyarah sertai sekolah musim panas



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Sekolah Musim Panas Universiti Goettingen Jerman di Kampus Kesihatan, USM Kubang Kerian, Kota Bharu baru-baru ini.

KURSUS. Seramai 12 orang siswa dan pensyarah pengajian neurosains menyertai Sekolah Musim Panas di Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kota Bharu selama dua minggu bermula Jumaat lalu.

Ia dikendalikan oleh Universiti Goettingen Jerman sebagai Program Perkhidmatan Pertukaran Akademik Jerman bagi memberi latihan dan kemahiran mengenai Asas Sains Elektrofisiologi Dalam Sel.

Urusetia program itu menaja sepenuhnya pelajar berkenaan yang diadakan dengan kerjasama USM dengan beberapa universiti awam lain termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Wakil program itu, Dr. Harald Oik berkata, sembilan pakar neurosains dari beberapa universiti di Jerman dan seorang dari Austria dibawa untuk mengendalikan ceramah dan latihan kepada pelajar terlibat.

### Komuniti Kita!

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita!* kini boleh diakses di laman web [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).